




**"SAUDARAKU ADALAH SAUDARAKU".1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : لَا يُقْتَلُونَكُمْ جَمِيعًا إِلَّا فِي قُرَى مُحَصَّنَةٍ أَوْ مِنْ وَرَاءِ جُدُرٍ بَأْسُهُمْ بَيْنَهُمْ شَدِيدٌ تَحْسَبُهُمْ جَمِيعًا وَقُلُوبُهُمْ شَتَّى ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٤﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian,</b></p> <p>Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa dengan melaksanakan amal-amal soleh dan menjauhi setiap larangan-Nya.</p>	5
<p>Tajuk Khutbah pada hari ini adalah <b>"SELAMATKAN BUMI AL-AQSA"</b>.</p> <p><b>Muslimin yang berbahagia,</b></p>	6
<p>Pada masa ini wilayah Palestin semakin sempit hanya tinggal 'sekangkang kera' iaitu semenanjung Gaza dan Tebing Barat. Umat Islam Palestin semakin terhimpit dan terhapus di bumi Palestin. Sehingga ke hari ini tidak terkira rakyat Palestin yang terkorban dan tercedera sejak tercedusnya pencerobohan yang dilakukan oleh Yahudi laknatullah.</p>	7



<p>Palestin telah melalui sejarah yang panjang dalam tamadun manusia sehinggalah ianya menjadi hak umat Islam. Tanah yang suci ini mempunyai kedudukan yang istimewa dalam hati setiap muslim sejak zaman berzaman. Keistimewaan Palestin juga disebutkan dalam al-Quran, al-Hadis dan kitab-kitab sejarah yang mencatatkan bahawa bumi bertuah itu adalah tanah kelahiran para Nabi 'Alaihimussolatu Wassalam. Masjid al-Aqsa yang terbina merupakan masjid kedua yang dibina di atas bumi Allah ini. Masjid ketiga paling suci selepas Masjid al-Haram dan Masjid al-Nabawi. Sejarah juga mencatatkan bahawa masjid ini telah menjadi kiblat pertama bagi umat Islam bahkan menjadi saksi berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah SAW.</p>	8
<p>Firman Allah SWT dalam Surah Al-Israk, ayat 1:</p> <p>سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ</p> 	9
<p><i>"Maha suci Allah Yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidil Haram (di Mekah) ke Masjidil Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk perlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) kami. Sesungguhnya Allah jualah yang amat mendengar lagi amat mengetahui".</i></p>	10



<p><b>Hadirin tetamu Allah yang dimuliakan,</b></p> <p>Sesungguhnya bumi Palestin adalah watan yang perlu dipertahankan oleh umat Islam seluruh dunia. Ianya semakin terancam dengan apa yang telah dilakukan oleh bangsa Yahudi laknatullah. Kezaliman demi kezaliman dilakukan oleh rejim Zionis yang bermula pada tahun 1948 setelah terbinanya negara haram Israel telah menyaksikan bukan sahaja isu-isu kemanusiaan semata-mata tetapi lebih daripada itu. Ia melibatkan isu akidah umat Islam, tanah air, maruah dan peradaban.</p>	11
<p>Serangan yang dilancarkan oleh rejim zionis pada 8 Mei lalu bukan sesuatu yang baharu. Ia adalah rentetan daripada tuntutan dan dakwaan Zionis Israel yang mengatakan bahawa kawasan Masjid al-Aqsa itu adalah Temple Mount iaitu kuil suci bagi orang Yahudi. Sejak berzaman lagi yahudi berusaha untuk meruntuhkan Masjid al-Aqsa bermula dengan siri pengebomannya terhadap masjid suci ini pada 1 Mei 1980 setelah mereka berusaha untuk memusnahkannya dengan membakarnya pada tahun 1969. Kini Masjid al-Aqsa dalam keadaan lebih terancam. Usaha menguasai sepenuhnya daripada tangan umat Islam giat diusahakan oleh zionis yahudi. Pencerobohan ke atas bumi al-Aqsa tidak akan terhenti selagimana matlamat untuk menguasai sepenuhnya setiap inci tanah suci umat Islam itu masih belum tercapai.</p>	12
<p>Islam menuntut umatnya bersatu menentang musuh-musuhnya tidak kira agama, bangsa yahudi atau sesiapa sahaja yang cuba menentang Agama Allah ini. Adalah satu hakikat bahawa umat Islam tidak boleh bergantung kepada simpati dan bantuan golongan kuffar. Oleh kerana itulah Allah SWT memberikan kita peringatan bahawa golongan kuffar tidak sekali-kali akan melindungi Islam dan umatnya melainkan mereka dijadikan ikutan.</p>	13



Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 120:

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ ۗ قُلْ إِنَّ هُدَىٰ اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ ۗ وَلَئِنِ اتَّبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِن وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢٠﴾

14

“Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan senang kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka. Katakanlah: "Sesungguhnya petunjuk Allah itulah petunjuk (yang benar)". Dan sesungguhnya jika kamu mengikuti kemahuan mereka setelah pengetahuan datang kepadamu, maka Allah tidak lagi menjadi pelindung dan penolong bagimu.”

15

**Hadirin sekalian,**

Islam mengajar kita bahawa umat Islam adalah bersaudara dan wajib dibela. Amatlah salah, kita membiarkan saudara kita di Palestin menderita, tanpa kita melakukan apa-apa. Justeru itu, mimbar menyeru kepada seluruh umat Islam dan rakyat Malaysia, marilah kita membantu meringankan penderitaan saudara kita di Palestin dengan sama-sama mengambil tindakan berikut:

16

Pertama: Memperbanyakkan munajat dan berdoa kepada Allah SWT agar mengurniakan kepada seluruh penduduk Palestin kekuatan, semangat dan kecekalan hati serta kemenangan dalam menghadapi kezaliman Yahudi sehingga menyebabkan penceroboh Yahudi itu dihalau keluar daripada negara umat Islam Palestin.

17



<p>Kedua: Menghulurkan bantuan kewangan kepada rakyat Palestin yang sedang menderita melalui badan-badan diiktiraf oleh kerajaan yang akan menyalurkannya melalui Kementerian Luar Negeri atau Wisma Putra;</p>	18
<p>Ketiga: Bersama-sama memboikot dan memulau perkhidmatan seperti perbankan, insuran dan barangan seperti produk makanan, syarikat minyak atau yang mempunyai kepentingan dengan Amerika dan Yahudi.</p>	19
<p>Keempat: Menginsafi akan bahaya perpecahan kepada ummah dan perlunya tindakan segera dalam menyatupadukan ummah dalam kalangan umat Islam negara ini dan negara-negara Islam seluruh dunia; dan</p>	20
<p>Kelima: Berjuang tanpa jemu, memastikan bahawa penjenayah Zionis Yahudi dibawa kemuka pengadilan dan terus memburu mereka walau di mana jua.</p>	21
<p>Terdapat hadis yang menyebut bahawa tidak akan terjadi kiamat hingga kaum Muslimin memerangi kaum Yahudi, lalu membunuh mereka hingga orang Yahudi bersembunyi di sebalik batu dan pohon. Sebagaimana dinyatakan dalam sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu'anhū bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يُقَاتِلَ الْمُسْلِمُونَ الْيَهُودَ، فَيَقْتُلُهُمُ الْمُسْلِمُونَ حَتَّى يَخْتَبِئَ الْيَهُودِيُّ مِنْ وَرَاءِ الْحَجَرِ وَالشَّجَرِ، فَيَقُولُ الْحَجَرُ أَوْ الشَّجَرُ: يَا مُسْلِمُ يَا عَبْدَ اللَّهِ هَذَا يَهُودِيٌّ خَلْفِي فَتَعَالَ فَاقْتُلْهُ، إِلَّا الْغَرْقَدَ فَإِنَّهُ مِنْ شَجَرِ الْيَهُودِ</p>	22



<p>“ Tidak akan terjadi kiamat hingga kaum Muslimin memerangi kaum Yahudi, lalu membunuh mereka hingga orang Yahudi bersembunyi di sebalik batu dan pohon. Bagaimanapun batu dan pohon berkata: “Wahai Muslim! Wahai hamba Allah! Ini Yahudi di belakangku, kemarilah padaku, bunuhlah dia!” Kecuali pohon ghorqod kerana ia pohon orang Yahudi.”</p> <p>(Riwayat Muslim).</p>	23
<p>Mungkin sekali imbas amat sukar untuk kita mengalahkan Yahudi dan sekutunya, kerana memiliki peralatan ketenteraan dan senjata yang hebat kecuali dengan kuasa Allah. Oleh itu, khatib menyeru seluruh umat Islam agar buanglah sikap lalai dan leka, jangan banyak membuang masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah, menyibukkan diri dengan isu-isu yang remeh-temeh hingga memporak perandakan masyarakat, bersikap bakhil dan hanyut dengan kemewahan serta diasyikkan dengan budaya hiburan yang melampau dan mengkhayalkan yang akhirnya kita lupa dengan apa yang berlaku terhadap saudaramara seakidah dengan kita.</p>	24
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,</b></p> <p>Mengakhiri khutbah pada hari ini. Marilah kita menghayati dan mengambil pengajaran supaya dapat dijadikan pedoman dalam hidup kita. Antaranya :</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa mempertahankan dan menyelamatkan Masjidil Aqsa adalah tuntutan aqidah.</li><li>2. Umat Islam wajib bersatu berganding bahu untuk membina kekuatan ummah bagi mempertahankan maruah umat Islam.</li><li>3. Umat Islam hendaklah menghulurkan derma, sebarang bantuan termasuk doa bagi membantu pembebasan Palestin dan Masjidil Aqsa.</li><li>4. Umat Islam hendaklah sedar bahawa tugas untuk mengembalikan kekuasaan al-Quds dan Masjid al-Aqsa adalah tanggungjawab semua umat Islam di dunia ini.</li></ol>	25



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾</p>	26
<p><i>“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan hartabenda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang haji dan orang-orang yang memakmurkan masjid sahaja), dan mereka itulah orang-orang yang berjaya”.</i></p> <p>(Surah al-Taubah: 20).</p>	27
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29



## KHUTBAH KEDUA

1	أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ
5	Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19.
6	Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.
7	Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi S.O.P dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.
8	Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhamad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :






9	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
10	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
11	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
12	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
13	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،
14	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
15	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج
16	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.



<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hambaMu yang sentiasa meninggikan kalimah dan AgamaMu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina AgamaMu</p>	18
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ</p>	20



	21
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾	22
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ عَلَيْكُمْ لَكَبِيرٌ ۚ وَإِسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۚ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	23